

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG (RASAH)

TARIKH : 8 MAC 2018

SOALAN : 32

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan: -

- (a) Jumlah laporan dan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan terhadap pegawai penguat kuasa yang menyalahguna kuasa sejak tahun 2013 – tahun 2017 berdasarkan negeri; dan
- (b) berapakah pegawai penguat kuasa didapati bersalah dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka sejak tahun 2013 – tahun 2018 berdasarkan negeri.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sejak Januari 2013 sehingga Disember 2017, sebanyak 1932 aduan telah diterima dan didaftarkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) berkaitan salah laku anggota penguat kuasa. Sebanyak 302 aduan diterima pada tahun 2013, 309 aduan pada tahun 2014, 306 aduan telah diterima pada tahun 2015, sebanyak 470 aduan diterima pada tahun 2016 manakala pada tahun 2017, EAIC telah pun menerima dan mendaftar sebanyak 545 aduan.

Daripada keseluruhan jumlah aduan yang diterima itu, terdapat 5 negeri yang mempunyai aduan tertinggi iaitu negeri Selangor sebanyak 500 aduan, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 357 aduan, negeri Perak sebanyak 153 aduan, negeri Kedah sebanyak 137 Aduan dan negeri Johor sebanyak 136 aduan. Manakala aduan bagi lain-lain negeri adalah sebanyak 649 aduan.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan aduan yang diterima, EAIC telah menjalankan siasatan penuh terhadap aduan-aduan tersebut sebagaimana peruntukan di bawah subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan [Akta

700] dan membuat pengesyoran sebagaimana peruntukan subseksyen 30(1) Akta 700. Sejak tahunan 2013 hingga tahun 2018, EAIC telah membuat sebanyak 45 pengesyoran tindakan tatatertib terhadap pegawai penguat kuasa, 43 syor pemberian surat teguran kepada pegawai penguat kuasa dan sebanyak 18 syor penambahbaikan telah diberikan untuk diambil tindakan oleh agensi penguatkuasaan. EAIC juga telah merekodkan keputusan tiada salah laku disahkan sebanyak 1859 pengesyoran. Statistik keputusan salah laku yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengikut negeri adalah sebagaimana **LAMPIRAN**.

Terima kasih.

LAMPIRAN

KEPUTUSAN SALAH LAKU YANG DISYORKAN OLEH EAIC KEPADA AGENSI 2013-2018

STATE / FEDERAL TERRITORY	2013	2014	2015	2016	2017	2018
SELANGOR	9	18	8	473	508	
WP KUALA LUMPUR	8	14	1	338	361	
PERAK	7	7	1	140	155	
PULAU PINANG	1	0	3	121	125	
JOHOR	3	2	0	134	139	
KEDAH	6	0	0	135	141	
NEGERI SEMBILAN	2	3	2	94	101	
WP PUTRAJAYA	0	2	3	103	108	
PAHANG	0	1	0	73	74	
SABAH	3	0	0	65	68	
KELANTAN	1	0	0	62	63	
MELAKA	3	2	0	53	58	
SARAWAK	0	0	0	27	27	
TERENGGANU	1	0	0	29	30	
PERLIS	1	0	0	12	13	
WP LABUAN	0	0	0	0	0	
TOTAL	65	19	10	1,064	1,124	

*statistik setakat 31 Januari 2018